

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah sudah terdapat mana-mana syarikat yang dikenalpasti boleh menyeimbangkan fungsi Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) dalam usaha untuk menghapuskan monopoli syarikat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pada masa ini sedang memuktamadkan semua peraturan, syarat-syarat, garis panduan dan lain-lain dokumen berkaitan yang akan ditetapkan kepada mana-mana pihak lain yang akan dipelawa untuk menawarkan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan motor di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Seperti umum mengetahui, pada masa ini Kerajaan hanya telah melantik pihak PUSPAKOM untuk melaksanakan fungsi pegawai pengangkutan jalan dan menyediakan pemeriksaan kenderaan motor bagi pihak JPJ. Semua perkara tersebut dijangka akan dimuktamadkan selewat-lewatnya sebelum akhir tahun 2023, dan proses pelawaan kepada pihak yang berminat akan boleh dimulakan dalam penggal pertama tahun 2024. Proses penilaian pula dijangka mengambil masa sehingga tiga bulan. Proses pelantikan pihak lain yang berjaya memenuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan pula dijangka dapat dilaksanakan dalam penggal kedua tahun 2024 kelak.

2. Dalam hubungan ini, MOT akan memastikan bahawa pembukaan pemeriksaan berkala kepada pihak-pihak lain tidak menyumbang kepada ketidakpatuhan kepada peraturan sedia ada sehingga menyumbang kepada peningkatan risiko berlakunya kemalangan jalan raya. Perlu ditekankan bahawa kewajipan menjalani pemeriksaan kenderaan motor adalah bertujuan memastikan tahap *road-worthiness* dan keselamatan kenderaan motor tersebut apabila digunakan di atas jalan. Pemeriksaan berkala kenderaan motor ini adalah merupakan salah satu usaha Kerajaan memastikan tahap keselamatan pengguna jalan raya lain terutamanya penunggang motosikal serta mengelakkan berlakunya kerosakan kepada infrastruktur jalan yang akan membawa implikasi kewangan yang tinggi kepada Kerajaan dan negara.

3. Mana-mana pihak yang berjaya memenuhi semua syarat ditetapkan akan dipelawa dan dibenarkan beroperasi sebagai pusat pemeriksaan berkala kenderaan motor bagi pihak JPJ di masa hadapan. Syarat-syarat

NO. SOALAN: 13

yang bakal ditetapkan adalah setara seperti mana ditetapkan kepada pihak PUSPAKOM bagi memastikan wujudnya persekitaran perkhidmatan yang berdaya saing, adil dan mematuhi semua peraturan yang telah diwajibkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Sekian, terima kasih.